



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI:

LJT Sulit 495 Jld. 8/(2)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

19 Februari 2025
20 Syaaban 1446H

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PEPERIKSAAN BAHAGIAN II - AMALAN KADASTER DAN UKUR GEOMATIK TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) akan mengendalikan Peperiksaan Bahagian II - Amalan Kadaster dan Ukur Geomatik tahun 2025 pada **28 Mac 2025**.

2. Syarat-syarat bagi calon untuk menduduki peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:

- 2.1 Orang berartikel yang telah menyiapkan sekurang-kurangnya dua tahun tempoh Artikel; atau
- 2.2 seorang jurukur Kerajaan yang telah didaftarkan sebagai orang berartikel; atau
- 2.3 seorang orang berartikel yang bekerja sebagai pensyarah dengan sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman di mana-mana institusi pengajian tinggi di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173], atau mana-mana institusi yang diiktiraf Lembaga; dan
- 2.4 Bayaran sebanyak RM200 (Ringgit Malaysia Dua Ratus)

3. Bersama-sama ini dilampirkan Borang Pendaftaran (maklumat calon), Jadual Kesepuluh Permohonan Untuk Peperiksaan dan Jadual Kesebelas Perakuan Perkhidmatan di Bawah Artikel untuk dikemukakan kepada LJT serta dokumen

tambahan iaitu Surat Lantikan sebagai pensyarah di institusi yang calon sedang berkhidmat (jika berkaitan).

5. Borang-borang dan jadual-jadual serta surat yang telah lengkap beserta resit pembayaran hendaklah dihantar ke LJT sebelum **tarikh tutup permohonan pada 18 Mac 2025**.

4. Sekiranya terdapat mana-mana calon yang gagal memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan, maka permohonan tersebut akan ditolak dan tidak akan didaftarkan.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)
Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k.

1. Presiden
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)

2. Naib Presiden
Bahagian Geomatik dan Ukur Tanah
Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM)

BORANG PENDAFTARAN (MAKLUMAT CALON)

RUJ. TUAN: LJT Sulit 495 Jld.8/(2)

TARIKH :

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak
Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur

Tuan,

PEPERIKSAAN BAHAGIAN II - AMALAN KADASTER DAN UKUR GEOMATIK TAHUN 2025

Saya seperti maklumat di bawah memohon untuk menduduki Peperiksaan Bahagian II-
Amalan Kadaster dan Ukur Geomatik Tahun 2025 pada 28 Mac 2025.

1. Nama :
2. No. K/P :
3. Nama Syarikat Bekerja :
4. Alamat Surat Menyurat (Rasmi) :
5. No Telefon (Pejabat) (H/P) :
6. Emel :

Sila lampirkan bersama:

1. Borang Permohonan Peperiksaan (Jadual Kesepuluh)
2. Borang Perakuan Perkhidmatan di Bawah Artikel (Jadual Kesebelas)
3. Surat Lantikan sebagai pensyarah (jika berkenaan)
4. Slip pembayaran

TARIKH TUTUP PERMOHONAN & PEMBAYARAN : 18/3/2025

BAYARAN SEBANYAK RM200.00 (RINGGIT MALAYSIA DUA RATUS) PERLU DIBUAT MELALUI:



Billar Code: 2105
Ref-1: <No. HP>
Ref-2: <NAMA/exam kadaster 2025>

Peringatan : Bayaran yang telah didepositkan tetapi tidak dapat dikenal pasti pengirimnya akan dihantar ke Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara.

"JADUAL KESEPULUH
[Subperaturan 22(1)]

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH 2011

PERMOHONAN UNTUK PEPERIKSAAN

Kepada: Setiausaha,
Lembaga Juruukur Tanah

Saya, [No. K/P] memohon
untuk menduduki:

- (i) Bahagian I peperiksaan dengan bayaran RM 400.00
setiap tugas - RM_____
- (ii) Bahagian II peperiksaan dengan bayaran RM200.00
setiap kertas - RM_____
- (iii) Bahagian III peperiksaan dengan bayaran RM 400.00
setiap kehadiran - RM_____

Saya bersetuju untuk mematuhi kaedah-kaedah peperiksaan.

.....

Tandatangan pemohon

Tarikh :

**"JADUAL KESEBELAS
[Perenggan 22(2)]**

**AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011**

PERAKUAN PERKHIDMATAN DI BAWAH ARTIKEL

Saya, dengan ini memperakui seperti berikut:
(juruukur tanah berlesen)

(1) telah menjalankan tugas di bawah Artikel
(orang berartikel)
dalam amalan ukur tanah untuk tempoh..... tahun dan..... bulan
dari hingga

(2) Dalam tempoh tersebut orang berartikel telah menjalankan tugas untuk
di lapangan dan di pejabat untuk tahun dan bulan, yang
..... tahun dan bulan dalam ukur hakmilik dan tahun dan
..... bulan dalam ukur geomatik.

(3) Orang berartikel ini berupaya menjalankan ukur hakmilik dan ukur geomatik
secara bersendirian.

Bertarikh hari ini haribulan,

.....

Juruukur tanah berlesen